

CERPEN

Profil



**Mawar Safei** dilahirkan di Singapura pada 27 Februari 1971. Antara pengiktirafan terbaru yang diterima ialah Sayembara Penulisan Novel, Kumpulan Cerpun dan Pusi ITBM-PENA-BH. Kini berkhidmat di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.



# Labuhan Sukma di Kapiti

**S**ekian jaraknya masa Tuan mengenali saya. Tuan memanggil saya Perempuan Si Bulan Penuh atau Perempuan Si Pemetik Harpa. Bermula di penjuru aras Pengajian Asia Tenggara di perpustakaan universiti tempat saya bekerja, kemudian Tuan mengikuti petikan harpa saya di dewan kesenian negeri pada malamnya. Kita bertemu lagi saat membelah Singalang dan Merapi menuju Mantinjau. Begitu surat takdir kita ditulis. Dan kali terakhir Tuan mengikuti pendakian saya ke Tongarriro menerusi kitab Matharat al-Qulub Imam al-Mawlid. Pastinya Tuan tidak melupakan semua itu. Pasti Tuan masih dapat mengingati saya yang ketika berkenaan sedang belajar untuk membersihkan hati. Namun jika sebaliknya, Tuan sudah tidak lagi mengingati, saya berikhtis hati untuk meneruna kerana pasti akan tiba saatnya: Tuan akan tidak

dapat mengimbas lagi, siapa saya.

Kali ini kisah saya di Kapiti dan ia sedikit mengalih arah. Masih memanjat cerun Tuteremoana, ya usai Tongarriro dahulu yang banyak menuntun saya untuk membebaskan rasa pemilikan saat menurunya. Tuan masih ingat detik yang saya kisahkan, hiba waktu untuk meninggalkan puncak Tongarriro. Meruyup akan jalan datang merupakan seribu keasingan. Saya melihat diri sendiri seperti debu yang berterbangan, Tuan. Dalam kepunjan yang keruh, langkah diseret dengan payah. Akhirnya saya sudah dapat membebaskan belenggu pemilikan itu dan apa yang saya lihat di hadapan adalah jalan penuh harapan. Benar, kita selalu ditawarkan harapan saat hampa dan kecewa datang menerpa.

Kali ini, menghibra gresah yang kuan terkumpul, saya bertemu dengan Narasi Kapiti, kisah lelaki yang mencintai pulau yang diwarisi, ya, daripada

leluhurnya seawal pada kurun ke-19 sejak zaman Te Rauparaha, Te Rangihirua dan Ngati Toa. Bersama-sama angin pulau yang berapungan, mata saya jatuh memecah gara lurus yang membebankan dirinya. Gara yang sebenarnya menemukan kita kembali, Tuan. Mengapa saya beranggapan demikian? Ya, ternyata Narasi Kapiti ini membawa saya kepada Tuan. Bukankah Tuan sedang memulaukan diri Bunyinya aneh sekali. Maksudnya Tuan sedang membawa diri pulang ke titik paling hujung tanah negara Tuan. Bukankah Tuan sedang membina sebuah rumah penaraan, dan ia ibarat pulau kerana dikelilingi segala hasrat disimpan sekira tahun dan harapan yang masih mahu digenggam sebelum detik muktamad itu datang berdenting. Maka Tuan dan Narasi Kapiti ini ada persamaan yang jelas terkait dengan pemerihaluan pulau.

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Kembara, BH Ahad melalui **e-mel [bhsastera@bh.com.my](mailto:bhsastera@bh.com.my)**. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabit menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,600 perkataan.